

# Mahasiswa UMSKAL kukuhkan perpaduan kaum

NST 8-9-2019 7  
Oleh: JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mampu menjadi penghubung kepada perpaduan yang lebih utuh dalam kalangan rakyat negara ini.

Ini kerana, kehadiran pelajar berbilang bangsa dan agama dari seluruh negara dilihat mampu mengukuhkan lagi hubungan kaum.

Justeru itu, mahasiswa dinasihatkan supaya sentiasa menjalinkan hubungan yang baik bukan sahaja dalam kalangan rakan-rakan mereka tetapi juga dengan pegawai, pensyarah dan kakitangan UMSKAL itu sendiri.

"Tidak timbul isu berkaitan kaum dan agama di UMSKAL, kerana mereka sentiasa bekerjasama mengadakan pelbagai aktiviti kemahasiswaan yang akhirnya memberi manfaat kepada perpaduan kaum dan agama yang lebih kukuh," kata Pengarah UMSKAL, Prof Dr. Murnizam Haji Halik.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu Sesi 2019/2020 sempena Minggu Suai Mesra (MSM) di Dewan Utama, pada Jumaat.

Turut hadir Pemangku Dekan Fakulti Komputeran Informatik (FKI), Profesor Dr. Abdullah Gani, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Profesor Madya Dr. Zaiton Osman dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah.

Terdahulu, Prof Dr Murnizam membacakan teks ucapan Naib Canselor UMS, Prof Taufiq Yap Yun Hin.

Pada majlis itu, pelajar FKI, Fakhri Haziq yang berasal dari Nilai, Negeri Sembilan mengetuai Majlis Ikrar dan Aku Janji di hadapan Prof Dr Murnizam.

Pada masa sama, Dr Murnizam mahu mahasiswa merebut ruang dan peluang yang disediakan pihak fakulti dan pengurusan UMSKAL dengan melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada jati diri mereka sendiri.

"Jangan lepaskan peluang untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti termasuk kepimpinan, kemasyarakatan dan sukan serta keagamaan," katanya.

Beliau juga yakin kewujudan UMSKAL itu sendiri telah membangkitkan semangat kepada warga Labuan untuk belajar bersungguh-sungguh untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Seramai 400 pelajar baharu telah ditawarkan pengajian di UMSKAL iaitu 330 orang mengikuti pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), manakala 70 lagi adalah pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).



**RAMAH MESRA ...** Murnizam beramah mesra dengan pelajar baharu sambil diperhatikan Prof Dr Abdullah (kanan) dan Dr Zaiton pada Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu Sesi 2019/2020 sempena Minggu Suai Mesra (MSM) di Dewan Utama, kelmarin.



**AKU JANJI ...** Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar UMSKAL.